



**KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR,
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

Unit Komunikasi Korporat
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 03 – 8000 8000
Faks: 03 – 8891 5557
Laman Web: www.kpkt.gov.my
Emel: pro@kpkt.gov.my
Twitter: www.twitter.com/kpkt_gov
Facebook: www.facebook.com/KPKTMalaysia

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.45 (151)

Tarikh : 29 Julai 2016

Siaran Media

Malaysia Membawa Kembali Penganjuran *World Urban Forum* ke Benua Asia pada Tahun 2018

Kuala Lumpur, 29 Julai 2016 - Y.B Tan Sri Noh bin Omar, Menteri Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menerima kunjungan hormat Pengarah Eksekutif UN-HABITAT Dr. Joan Clos pada petang ini.

2. Menurut YB Menteri KPKT, “Dalam pertemuan ini, Malaysia khususnya KPKT memberikan komitmen kepada UN-HABITAT untuk menjayakan *World Urban Forum* (WUF9) yang dijangka diadakan pada 7 - 13 Februari 2018 dengan jumlah penyertaan seramai 15,000 peserta. Kuala Lumpur bakal menjadi bandar kedua di Asia yang menjadi tuan rumah *World Urban Forum* selepas Nanjing, China pada tahun 2008.”

3. Beliau turut merakamkan ucapan terima kasih kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Datuk Abdul Rahman Dahlan di atas usaha beliau semasa menjawat jawatan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang telah membawa penganjuran *World Urban Forum* ini ke Malaysia semasa proses pembidaan pada 2014.

4. *World Urban Forum* (WUF) adalah satu forum teknikal bukan perundangan yang diadakan oleh UN Habitat, di bandar yang berbeza setiap dua tahun. Forum ini telah menjadi salah satu acara antarabangsa utama bagi bertukar-tukar pandangan dan pengalaman mengenai cabaran perbandaran.

5. WUF9 ini akan menjadi platform yang sangat penting untuk melihat pelaksanaan *New Urban Agenda* dan Malaysia berpeluang untuk menunjukkan (*showcase*) inisiatif-inisiatif pembangunan bandar termasuk pembangunan perumahan, pembangunan komuniti, pemeliharaan warisan, aspek perancangan bandar dan kesejahteraan bandar kepada peserta-peserta dari seluruh negara.

6. WUF9 adalah forum yang pertama diadakan selepas *New Urban Agenda* diputuskan di Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu tentang Perumahan dan Pembangunan Bandar Lestari (HABITAT III) yang akan diadakan pada tahun Oktober 2016, yang merupakan persidangan perundangan global yang dianjurkan setiap 20 tahun untuk mengkaji dan menentukan agenda bandar dan membuka jalan bagi wawasan UN-HABITAT ke arah masa depan bandar yang lebih baik.

7. Malaysia berpeluang untuk memberikan pengalaman asli (*authentic experience*) kepada peserta-peserta yang hadir di WUF9 untuk menikmati keindahan dan mengetahui budaya masyarakat Malaysia yang berbilang bangsa. Impak ekonomi kepada negara adalah amat besar melalui kemasukan peserta-peserta daripada luar negara dan sekaligus menguntungkan industri perhotelan dan pengangkutan serta meningkatkan industri pelancongan negara

8. Mengenai HABITAT III, Tan Sri Noh bin Omar juga memaklumkan bahawa Malaysia amat komited untuk terlibat secara aktif didalam penganjuran HABITAT III di Quito, Ecuador kelak. Penglibatan Malaysia di dalam merangka *New Urban Agenda* disamping mempromosikan WUF9 akan terus dipergiatkan semasa berlangsungnya sesi HABITAT III ini.

9. Dr Joan Clos dan pegawainya daripada UN-HABITAT hadir ke Kuala Lumpur setelah tamat persidangan Jawatankuasa Persediaan Ke-3 (*Third Preparatory Committee*) bagi HABITAT III di Surabaya, Indonesia pada minggu ini.

10. Malaysia, yang diketuai oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dengan sokongan daripada PLANMalaysia (dikenali juga sebagai Jabatan Perancangan Bandar dan Desa), Kementerian Wilayah Persekutuan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan sokongan Malaysia Conference and Exhibition Bureau (MyCEB) dijangka akan menjadi peneraju didalam pelaksanaan penganjuran WUF9 ini. Penglibatan agensi-agensi lain akan terus dipergiatkan dalam masa terdekat.

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh YB Tan Sri Noh Bin Haji Omar. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semananjung Malaysia; Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia; Jabatan Perumahan Negara; Jabatan Kerajaan Tempatan; Jabatan Landskap Negara; Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara; Solid Waste Corporation Malaysia; Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata; dan Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555

Faks : 03-8891 5557

E-mel : pro@kpkt.gov.my

World Urban Forum (WUF)

World Urban Forum (WUF) adalah satu forum teknikal bukan perundangan yang diadakan oleh UN Habitat, di bandar yang berbeza setiap dua tahun. Forum ini telah menjadi salah satu acara antarabangsa utama bagi bertukar-tukar pandangan dan pengalaman mengenai cabaran perbandaran.

Objektif dan kaedah pelaksanaan WUF telah dimulakan semasa sesi pertama forum yang diadakan di Nairobi, Kenya, dari 29 April - 3 Mei 2002. Sesi kedua pula telah berlangsung di Barcelona, Sepanyol, 13-17 September 2004; Ketiga di Vancouver, Kanada, 19-23 Jun 2006; Sesi Keempat di Nanjing, China, 3-6 November 2008; sesi Kelima di Rio de Janeiro, Brazil, 22-26 Mac 2010; sesi Keenam di Naples, Itali, 1-7 September 2012 dan sesi ketujuh di Medellín, Colombia, pada 5-11 April 2014.

Terdapat peningkatan yang ketara kepada jumlah penyertaan WUF pada sesi-sesi yang lalu di mana kira-kira 22,000 peserta dari seluruh dunia telah menyertai yang terakhir iaitu WUF7 di Medellín, Colombia.

Forum ini mengumpulkan pelbagai pakar dari setiap sektor perbandaran. Para peserta adalah termasuk dan merangkumi pertubuhan bukan kerajaan, organisasi berasaskan komuniti, profesional, institusi penyelidikan dan akademik, profesional, sektor swasta, institusi pembangunan kewangan, media dan badan-badan antarabangsa yang lain sama ada di peringkat antarabangsa, nasional, serantau dan kerajaan tempatan.

Tujuan utama *World Urban Forum* adalah:

- Sokongan dan peningkatan kesedaran mengenai pembangunan perbandaran yang mampan
- Pengetahuan kolektif ke atas perbandaran yang mampan melalui debat terbuka, pertukaran pengalaman dan amalan terbaik.
- Koordinasi lanjutan dan kerjasama di dalam dan di antara kawasan-kawasan yang berbeza ke arah kemajuan dan pelaksanaan Agenda Habitat